
Ringkasan Eksekutif



Ringkasan Eksekutif

Sewaktu Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2009 disediakan, persekitaran kewangan adalah memberangsangkan dengan peningkatan yang ketara dalam prospek pemulihan ekonomi global dan domestik. Laporan ini menggariskan penilaian Bank terhadap risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kewangan Malaysia dan keupayaan sistem itu untuk meneruskan peranannya dalam menyediakan perkhidmatan penting kepada ekonomi. Laporan ini turut meliputi pelbagai aspek inisiatif kehematan dan pembangunan, termasuk inisiatif berkaitan dengan sistem pembayaran, yang dilaksanakan untuk memperkukuh daya tahan dan keutuhan sistem kewangan dan pembayaran. Penerbitan ini bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu yang menjejaskan kestabilan kewangan dan dengan itu menggalakkan tindak balas tingkah laku yang wajar bagi memperkukuh kestabilan kewangan.

Penilaian risiko sistem kewangan

Meskipun berhadapan dengan keadaan operasi yang mencabar pada tahun 2009, daya tahan sistem kewangan Malaysia terus kukuh. Kestabilan dan keteguhan sistem kewangan adalah asas penting dalam memastikan proses pengantaraan kewangan, pembayaran dan penyelesaian, serta perlindungan terhadap risiko, terus tidak terganggu dan berjalan secara cekap dan berkesan. Tindak balas dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Bank pada peringkat awal krisis global telah menyumbang kepada pemulihan pantas ekonomi domestik.

Kestabilan keseluruhan sistem perbankan tidak terjejas lantaran kedudukan solvensi yang kukuh dan kualiti portfolio pinjaman yang tinggi. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) terus teguh pada paras 14.7% pada akhir tahun 2009 (2008: 12.6%) dengan kedudukan modal lebihan jauh melebihi RM50 bilion (2008: RM38.7 bilion). Sejumlah besar modal ini adalah dalam bentuk instrumen modal Kumpulan-1 yang menyediakan penampan yang kukuh terhadap kerugian kewangan. Meskipun kadar perolehan adalah lebih tinggi dengan peningkatan yang menyeluruh, hasil daripada aktiviti pemberian pinjaman berkurang disebabkan oleh permintaan terhadap pembiayaan yang lembap dan perbelanjaan pendanaan yang lebih tinggi lantaran jumlah deposit yang lebih besar. Keberuntungan sistem perbankan lebih rendah berikutan peruntukan jejas nilai pelaburan yang tidak berulang oleh sebuah institusi kewangan bagi operasinya di luar negeri. Dengan pelarasan bagi peruntukan yang tidak berulang ini, keberuntungan sistem perbankan mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% pada tahun 2009. Dedahan sektor perbankan kepada risiko kadar faedah dan risiko pertukaran mata wang asing masih terkawal, masing-masing sebanyak 5.0% dan 4.6% daripada jumlah modal asas.

Sistem perbankan terus menyokong keperluan kewangan ekonomi domestik. Pembiayaan yang diberikan oleh sistem perbankan telah berkembang pada kadar tahunan 7.8% kepada RM783.4 bilion pada akhir tahun 2009 manakala kadar kelulusan terus stabil pada kira-kira 70%. Portfolio pembiayaan bank terus tertumpu pada segmen berasaskan runcit, dengan isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masing-masing mencakupi 55.1% dan 15.2% daripada pembiayaan terkumpul. Meskipun persekitaran ekonomi adalah sukar, kualiti pinjaman sistem perbankan bertambah baik disebabkan oleh aktiviti pemulihan dan hapus kira yang berterusan. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) bersih bertambah baik kepada 1.8%, paras terendah sejak krisis kewangan Asia. Dari segi sektor, nisbah NPL kasar bagi sektor perniagaan besar dan sektor PKS masing-masing menurun kepada 4.1% dan 5.7% pada akhir tahun 2009 (2008: 5.4% dan 6.8%). Nisbah NPL kasar bagi sektor isi rumah turut menurun kepada 3.1% (2008: 4.1%).

Sektor insurans dan takaful mencatat nisbah kecukupan modal lebih tinggi sebanyak 230.0% (2008: 187.6%) dengan penampan modal yang memuaskan sebanyak RM18.6 bilion atau 11.4% daripada jumlah aset. Kesolvenan yang lebih kukuh membolehkan industri insurans dan takaful kekal sebagai penyedia perlindungan kewangan yang berkesan untuk perniagaan dan individu. Jumlah premium bersih bagi penanggung insurans dan pengendali takaful bertambah sebanyak 8.2% pada tahun 2009. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh segmen insurans hayat biasa bagi industri hayat dan takaful keluarga, dan permintaan menyeluruh bagi sektor am. Keadaan pasaran kewangan yang pulih menyumbang ke arah pendapatan lebih kukuh daripada portfolio

pelaburan dan keuntungan modal tidak direalisasi bagi keseluruhan industri insurans. Bagi insurans perniagaan am, prestasi yang meningkat turut dicapai disebabkan oleh nisbah tuntutan motor yang lebih rendah.

Pasaran kewangan domestik terus teratur dan memperoleh semula peningkatan momentum pada tahun 2009 berikutan tanda-tanda bahawa kelembapan ekonomi domestik sudah berlalu. Ini berlaku serentak dengan peningkatan dalam prestasi perolehan perniagaan dan prospek pekerjaan yang makin cerah, yang melonjakkan keupayaan membayar balik hutang oleh para peminjam bank. Spread kredit yang mengecil kemudiannya menerajui pemulihan pasaran bon, seperti yang diperlihatkan oleh pemulihan dalam terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS), termasuk PDS yang diterbitkan oleh penerbit asing. Mudah tunai ringgit yang lebih daripada mencukupi dalam sistem turut menyokong kelancaran fungsi pasaran wang ringgit dan pasaran antara bank pada tahun 2009.

Kedua-dua sektor isi rumah dan perniagaan mempamerkan keupayaan dan ketangkasan yang tinggi dalam menghadapi cabaran yang muncul pada tahun 2009. Pinjaman kepada isi rumah berkembang sebanyak 9.4% kepada RM516.6 bilion, dengan peminjaman sebahagian besarnya bagi pembelian harta kediaman. Penampan kewangan yang teguh memberikan fleksibiliti kepada sektor perniagaan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan, dan pada masa yang sama, memastikan keupayaan membayar balik hutang. Pembiayaan terkumpul yang diberikan kepada sektor perniagaan besar meningkat sebanyak 7.8% pada akhir tahun 2009. Pembiayaan terkumpul oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) kepada PKS mencatat pengurangan yang kecil pada akhir tahun 2009. Ini sebahagiannya disebabkan oleh penaiktarafan akaun PKS kepada akaun perusahaan besar, penjualan NPL kepada sebuah syarikat pengurusan aset oleh sebuah kumpulan perbankan pada bulan November 2009 dan hapus kira hutang lapuk.

Meskipun pemulihan ekonomi telah dicapai, laluannya masih lagi mencabar. Integrasi kewangan dan ekonomi antarabangsa yang lebih meluas akan menyebabkan risiko penularan yang berterusan yang boleh menjejaskan kestabilan kewangan domestik. Prospek ekonomi yang lebih baik bagi ekonomi yang sedang pesat membangun, khususnya di Asia, telah menarik aliran masuk modal yang besar ke rantau ini dan sekali lagi memberikan cabaran dalam mengurus kemungkinan kenaikan harga aset yang melampau dan ketidakseimbangan kewangan. Di dalam negeri, prospek ekonomi dan sentimen pasaran yang lebih baik akan mewujudkan tahap optimis yang lebih tinggi dalam kalangan institusi kewangan berikutan peluang-peluang yang muncul daripada pemulihan. Sementara semua ini berlaku, adalah penting untuk memastikan perkara ini tidak mengakibatkan peningkatan tidak terkawal dalam kesanggupan mengambil risiko serta amalan pengurusan risiko yang dikompromi apabila institusi kewangan bertindak terhadap keadaan ini. Fungsi pengawasan makro dan mikro akan terus dilaksanakan dengan teliti dan penuh waspada bagi memastikan risiko yang timbul dapat dikenal pasti dengan pantas. Dalam hal ini, langkah-langkah dasar pencegahan awal akan terus dilaksanakan bagi menghalang peningkatan risiko sistemik yang boleh mengancam kestabilan kewangan secara keseluruhannya.

Pembangunan sektor kewangan

Tumpuan dasar pembangunan sektor kewangan pada tahun 2009 adalah untuk mengekalkan keteguhan dan keutuhan sektor ini dan memastikan aktiviti pengantaraan kewangan berjalan dengan berterusan dan lancar. Ini diperlengkapkan lagi oleh matlamat jangka panjang untuk memperkukuh keupayaan dan potensi pertumbuhan sektor ini. Pada tahun 2009, Bank turut mencapai kemajuan besar dalam rancangan liberalisasinya yang bertujuan untuk memudahkan perkembangan sektor ini sebagai pendorong, pemangkin dan pemacu utama pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesalinghubungan sistem kewangan Malaysia dengan ekonomi lain.

Bank terus memberikan keutamaan bagi memastikan semua segmen peminjam, terutamanya PKS, mendapat akses yang berterusan untuk memperolehi pembiayaan. Beberapa langkah telah diperkenalkan bagi mencapai matlamat ini, termasuk pelancaran Skim Bantuan Jaminan PKS (SME Assistance Guarantee Scheme, SME AGS), Skim Jaminan Modal Kerja, Skim Jaminan Pinjaman Penyusunan Semula Industri dan penggabungan ERF Sdn. Bhd. ke dalam Credit Guarantee Corporation (CGC). SME AGS dan Skim Jaminan Modal Kerja kedua-duanya telah digunakan sepenuhnya.

Dalam pada itu, pada akhir tahun 2009, CGC telah memberikan jaminan kredit kepada 402,867 PKS yang mempunyai pembiayaan terkumpul sebanyak RM44.9 bilion. Pada tahun 2009, sebuah entiti telah ditubuhkan untuk memudahkan perniagaan yang berdaya maju bagi memperoleh pembiayaan daripada pasaran bon. Danajamin Nasional Berhad, sebuah penanggung insurans jaminan kewangan telah diwujudkan dengan matlamat untuk menyediakan penambahbaikan kredit kepada penerbit yang bergred pelaburan dan mempunyai perniagaan yang berdaya maju untuk memperoleh dana daripada pasaran bon pada kos yang berpatutan.

Selain memastikan aliran kredit yang berterusan kepada ekonomi, langkah-langkah juga diperkenalkan untuk menyediakan saluran bagi peminjam untuk menguruskan obligasi hutang. Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) memulakan operasinya semula dengan mandat yang lebih luas untuk memudahkan pengambilan tindakan awal bagi menstruktur semula hutang, termasuk bon. Kriteria kelayakan untuk kes-kes yang dikendalikan di bawah Skim Penyelesaian Hutang Usaha Kecil disemak semula pada tahun 2009 untuk membolehkan lebih banyak PKS yang berdaya maju dan yang memerlukan bantuan untuk menstruktur dan menjadual semula pinjaman dengan beberapa buah bank. Langkah-langkah ini juga dilengkapi dengan penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman-pinjaman oleh bank-bank secara individu dan pemberian bantuan sementara kepada peminjam pinjaman perumahan yang terjejas akibat diberhentikan kerja atau waktu bekerja dikurangkan.

Pada tahun 2009, Bank mengumumkan pelan liberalisasi yang meliputi tiga strategi besar iaitu, pengeluaran lesen baharu, peningkatan had ekuiti asing dan penawaran kefleksibelan operasi yang lebih besar kepada institusi-institusi kewangan milik asing yang sedia ada. Pada tahun tersebut, satu lesen baharu untuk sebuah bank perdagangan telah dikeluarkan kepada bank perdagangan terbesar di Republik Rakyat China di bawah perjanjian dua hala untuk menggalakkan perkongsian strategik serta meningkatkan permuafakatan dan kerjasama dengan ekonomi serantau. Bank juga memeterai satu Perjanjian Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan China Banking Regulatory Commission untuk memperkukuhkan kerjasama antara kedua-dua pihak berkuasa dalam bidang pengawalseliaan perbankan.

Inisiatif untuk memperdalam pasaran kewangan difokuskan pada pembentukan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif, peningkatan infrastruktur dan peluasan kelas aset. Untuk terus membangunkan pasaran kewangan, Bank mengambil inisiatif meningkatkan infrastruktur dengan kecenderungan mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa. Rangka Kerja Peniaga Utama dikaji semula pada tahun 2009 untuk memberi insentif kepada penyertaan berterusan dalam lelongan utama dan urus niaga pasaran sekunder. Kajian semula tersebut juga memudahkan pengenalan Sistem Peniaga Utama Secara Islam bagi sekuriti hutang Islam yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan Bank. Satu perkembangan mercu tanda telah berjaya dicapai pada tahun 2009 dengan pelancaran Bursa Suq Al-Sila (dahulu dikenali sebagai Commodity *Murabahah* House), satu platform urus niaga berlandaskan Syariah untuk komoditi *murabahah* yang pertama di dunia. Platform ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi perdagangan komoditi untuk tujuan mudah tunai antara institusi kewangan Islam di Malaysia, dan untuk memudahkan urus niaga mudah tunai merentas sempadan.

Untuk menggalakkan pemahaman yang jelas dan pentafsiran yang konsisten berhubung dengan kontrak Syariah, Bank telah membangunkan satu kodifikasi kontrak Syariah yang komprehensif dikenali sebagai Parameter Syariah. Parameter Syariah pertama untuk kontrak *murabahah* dikeluarkan pada tahun 2009, manakala Parameter Syariah untuk kontrak *ijarah, mudharabah, musharakah, istisna*' dan *wadiah* dijangka siap pada akhir tahun 2010. Bank juga telah menjalin kerjasama strategik dua hala dan pelbagai hala untuk menggalakkan perkongsian global dan perniagaan merentas sempadan dalam kewangan Islam. Dua MoU telah ditandatangani di antara Bank dengan United Kingdom Trade and Investment (UKTI), dan dengan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang kewangan Islam, khususnya dalam pembangunan tenaga mahir dan pengukuhan hubungan perniagaan dan sokongan infrastruktur. Jenama jangka panjang yang baharu "*Shaping Islamic Finance Together*" diperkenalkan pada tahun 2009 untuk memartabatkan Malaysia sebagai

pusat cendekiawan bagi aktiviti kewangan Islam. Pada tahun 2009, satu perkembangan mercu tanda dicapai dengan penerbitan sukuk mata wang asing oleh Petronas, yang mendapat sambutan yang amat memberangsangkan meskipun dalam persekitaran ekonomi yang amat mencabar.

Bank memperhebatkan usaha menggalakkan amalan pasaran yang adil dan saksama serta meningkatkan tahap keupayaan kewangan di kalangan pengguna demi memupuk keyakinan pengguna yang berterusan terhadap sektor perkhidmatan kewangan, sekali gus menyumbang kepada pasaran yang lebih cekap dan kompetitif. Pengawasan terhadap amalan pasaran dipertingkatkan pada tahun tersebut sebagai tindak balas terhadap keadaan pasaran yang kompetitif. Ini dilengkapi dengan rangka kerja penzahiran yang komprehensif untuk produk-produk kewangan runcit yang memberi tumpuan kepada ciri-ciri utama produk, risiko dan manfaat, serta terma dan syarat utama di dalam kontrak.

Malaysia terus menunjukkan komitmen yang tinggi untuk mematuhi piawaian antarabangsa mengenai ketelusan dan pertukaran maklumat untuk membanteras kegiatan haram. Malaysia kini dikategorikan dalam "Senarai Putih" yang dikeluarkan oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD). Kejayaan ini merupakan petanda baik ke arah mengekalkan secara keseluruhannya, keyakinan, daya saing dan daya tarikan terhadap sistem kewangan Malaysia.

Melangkah ke hadapan, untuk merealisasikan visi mencapai status ekonomi maju pada tahun 2020, satu rangka tindakan yang baharu untuk sektor kewangan sedang dirumuskan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan peranan sektor kewangan sebagai pendorong, pemacu dan pemangkin pertumbuhan ekonomi, dengan keupayaan yang meningkat untuk menyumbang secara berkesan kepada proses transformasi ekonomi kepada ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi.

Rangka kerja pengawalan kehematan dan penyeliaan

Perkembangan dalam reformasi pengawalseliaan global yang timbul daripada krisis telah mempertajamkan fokus Bank untuk menyediakan rangka kerja kehematan yang responsif terhadap perubahan persekitaran, di samping mengekalkan usaha memelihara keseimbangan yang sewajarnya antara preskripsi pengawalseliaan dan penilaian penyeliaan terhadap kualiti pengurusan risiko institusi kewangan. Selain itu, lebih perhatian juga diberikan kepada pengawalan makro untuk melengkapi pengawasan mikro ke atas institusi-institusi kewangan secara individu.

Meskipun Bank umumnya menyokong cadangan reformasi pengawalseliaan antarabangsa yang bertujuan untuk memperkukuhkan asas-asas kestabilan kewangan, terdapat keperluan untuk menilai, secara berhati-hati, potensi implikasi cadangan ini daripada dimensi yang berbeza, terutamanya untuk memelihara peranan penting institusi-institusi kewangan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi yang berterusan, dan untuk memastikan bahawa tindakan tersebut tidak menghasilkan implikasi yang negatif ke atas struktur dan perilaku sistem kewangan pada masa hadapan. Pertimbangan yang khusus akan diberikan kepada rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada di dalam negeri dan sejauh mana rangka kerja tersebut telah memberikan hasil seperti yang diharapkan.

Pelaksanaan rangka kerja Basel II terus mencapai kemajuan pada tahun 2009 dengan terbitnya panduan mengenai penggunaan Pendekatan Berasaskan Penarafan Dalaman (Internal Ratings-Based, IRB) untuk risiko kredit dalam menentukan keperluan modal pengawalseliaan. Proses penyemakan penyeliaan (Tunggak 2) dan komponen-komponen disiplin pasaran (Tunggak 3) rangka kerja kecukupan modal juga telah mencapai kemajuan pada tahun tersebut.

Industri insurans beralih dengan lancar kepada Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) pada 1 Januari 2009. Penggunaan RBC oleh syarikat insurans telah meningkatkan fokus pengendali insurans terhadap pemacu risiko perniagaan melalui pengiraan modal terlaras risiko dan elemen-elemen ujian senario yang terkandung dalam RBC. Kemajuan yang ketara juga dicapai dalam pembangunan rangka kerja RBC bagi pengendali takaful, di mana perbincangan dengan industri dan penilaian impak akan dimulakan pada tahun 2010.

Cadangan penambahbaikan kepada Rangka Kerja Mudah Tunai telah sedia untuk dilaksanakan pada tahun 2010. Semakan lanjut

sedang dipertimbangkan untuk mengambil kira cadangan-cadangan terbaru oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision, BCBS) mengenai piawaian minimum kuantitatif global untuk pengurusan risiko mudah tunai.

Bank terus memfokuskan sumber-sumbernya dalam menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko yang kukuh melalui inisiatif Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE). Sejak pelancaran program FIDE pada tahun 2008, 131 pengarah institusi kewangan telah melalui program teras yang mengkaji penerapan tadbir urus yang baik dalam konteks isu-isu dan cabaran spesifik yang dihadapi oleh pelbagai subsektor dalam sektor kewangan. Program-program tambahan dan khusus selanjutnya sedang dibangunkan sebagai sebahagian daripada inisiatif FIDE untuk memperkukuh lagi sokongan kepada lembaga pengarah dalam melaksanakan pengawasan berterusan yang berkesan terhadap institusi kewangan.

Malaysia menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standard, FRS) 139 untuk semua entiti yang melapor, termasuk institusi-institusi kewangan pada 1 Januari 2010. Walau bagaimanapun, memandangkan perkembangan antarabangsa berkaitan dengan piawaian peruntukan masih berubah-ubah, pengaturan dalam tempoh peralihan diwujudkan untuk membolehkan institusi perbankan menentukan penilaian jejas nilai secara kolektif bagi mengurangkan kos pelaksanaan bersangkutan dengan perubahan seterusnya yang diperlukan untuk mematuhi piawaian baharu, yang ketika ini masih dalam pertimbangan Lembaga Standard Perakaunan Antarabangsa. Peruntukan dalam tempoh peralihan ini juga akan memudahkan penjajaran kepada tahap peruntukan yang lebih mirip kepada piawaian peruntukan yang berpandangan ke hadapan yang ingin diterap kelak di bawah piawaian keterjejasan yang baru.

Dalam bidang kewangan Islam, usaha terus digembleng ke arah pengukuhan tadbir urus Syariah, penggalakan amalan perniagaan yang sihat dan kecekapan operasi institusi kewangan Islam. Bank sedang merombak Rangka Kerja Kadar Pulangan (Rate of Return Framework, ROR) bagi institusi-institusi perbankan Islam untuk menggalakkan penambahbaikan dalam pengurusan dasar perkongsian keuntungan, mengurangkan asimetri maklumat (information asymmetries) antara pihak-pihak berkaitan dan juga bagi mengambil kira skop perniagaan perbankan Islam yang lebih luas. Penerbitan Panduan Pengurusan Pelaburan dan kertas konsep mengenai Rangka Kerja Garis Panduan Pengendalian Takaful kedua-duanya bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus dan pengurusan dana takaful. Satu Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah akan dikeluarkan pada tahun 2010 selaras dengan usaha meningkatkan tadbir urus Syariah dalam institusi kewangan Islam.

Satu bidang yang diberi keutamaan tinggi pada tahun 2010 ialah kajian semula yang menyeluruh ke atas semua peraturan perundangan yang digunakan bagi mentadbir institusi kewangan dan sistem pembayaran di bawah bidang kuasa Bank. Kajian semula ini akan turut mengambil kira perubahan landskap kewangan dan perkembangan pengawalseliaan sepanjang dua dekad yang lalu. Perubahan perundangan yang dicadangkan ini akan memperkasakan lagi rangka kerja kestabilan kewangan di Malaysia berikutan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baharu pada tarikh 25 November 2009.

Sistem pembayaran dan penyelesaian

Walaupun mengalami persekitaran yang mencabar pada tahun 2009, sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia tetap berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar sepanjang tahun, sekali gus menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Pemindahan sistem pembayaran dan penyelesaian kepada Malaysia Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank, disempurnakan tanpa sebarang gangguan. Pengaturan institusi ini memperkukuhkan struktur tadbir urus dengan pengasingan tanggungjawab untuk mengendalikan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) yang kini diamanahkan kepada MyClear, manakala Bank bertanggungjawab ke atas pengawasan sistem pembayaran. Sebagai melaksanakan sebahagian daripada peranan pengawasannya, Bank telah mengeluarkan kehendak penyeliaan yang harus dipatuhi oleh MyClear. Ini merangkumi keperluan untuk pengurusan risiko serta pematuhan

amalan-amalan terbaik dan piawaian antarabangsa yang sewajarnya untuk operasi sistem pembayaran. Pada tahun tersebut, kemantapan dan kecukupan pelan kesinambungan operasi di kalangan ahli-ahli RENTAS dan eSPICK diuji secara berterusan untuk memastikan gangguan yang minimum terhadap kelancaran fungsi sistem-sistem tersebut.

Dalam memelihara keyakinan orang ramai dan meningkatkan pelaksanaan inisiatif pembayaran elektronik, Bank menitikberatkan usaha memastikan kemantapan dan kebolehpercayaan sistem bayaran runcit berskala besar seperti Malaysian Electronic Payment System (MEPS) Sdn. Bhd. dan Touch 'n Go Sdn. Bhd. (TnG). Bank terus menjalinkan kerjasama dengan peserta industri dan pihak berkuasa yang relevan untuk mendidik pemegang kad tentang kepentingan menjaga kad serta maklumat kad, meskipun fraud dan cubaan fraud dalam sistem pembayaran kekal pada jumlah yang sangat kecil.

Kerjasama dan penglibatan antara Bank dengan Kerajaan dan sektor swasta dilakukan secara berterusan untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran dan untuk meraih manfaat daripada pemindahan dana yang lebih cekap. Pada tahun 2009, Bank menaja satu kajian untuk mengenal pasti halangan-halangan dan masalah-masalah yang mengekang kejayaan pelaksanaan agenda e-pembayaran. Adalah dianggarkan bahawa 96% daripada pembayaran Kerajaan sekarang dilakukan melalui pemindahan dana secara elektronik, sementara penggunaan kemudahan pemindahan kredit untuk bayaran kepada Kerajaan melonjak kepada RM41.3 juta (2008: RM21.9 juta). Dalam sektor sekuriti, usaha kemuafakatan antara Bank, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat Pembrokeran Saham Malaysia, dan MEPS telah dilakukan untuk meningkatkan penggunaan e-pembayaran untuk penjualan dan pembelian saham di samping pembayaran dividen melalui e-Dividen.

Penekanan berterusan untuk menggalakkan kesedaran dan meningkatkan kerjasama dengan lebih banyak sektor ekonomi bagi mendorong penggunaan e-pembayaran yang lebih tinggi adalah diutamakan pada tahun 2010. Bank juga akan menumpukan perhatian ke arah pembentukan kerjasama serantau untuk mewujudkan sistem pembayaran yang lebih bersalinghubungan di rantau ini di dalam usaha meningkatkan integrasi kewangan antara negara-negara ASEAN. Memandangkan sistem pembayaran yang lebih bersalinghubungan di rantau ini, usaha telahpun dimulakan untuk merangka pengaturan gadaian merentas sempadan di dalam kawasan Executives' Meeting of East Asia-Pasific (EMEAP) sebagai sebahagian daripada inisiatif meningkatkan pengurusan krisis mudah tunai.